
Penguasaan Bacaan Al-Quran dan Cabarannya dalam Kalangan Pelajar Politeknik

Hasani binti Ghazali¹, Rosmawati binti Razak²

¹ Politeknik Nilai, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia
E-mail: hasanighazali18@gmail.com

^{2,3} Politeknik Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
E-mail: rosmawatibintirazak@gmail.com

Abstrak

Al-Quran adalah kitab yang menjadi panduan dan rujukan setiap individu muslim. Penurunan ayat al-Quran telah memberi penekanan terhadap beberapa aspek termasuklah pembacaan al-Quran itu sendiri. Ini dapat dilihat melalui wahyu pertama yang diturunkan di dalam surah al-A'laq (ayat 1-5) yang menyebut tentang *iqra'* iaitu suruhan membaca. Dapat difahami melalui ayat tersebut bahawa membaca al-Quran adalah amat dituntut dalam Islam kerana al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Rasulullah SAW untuk dibaca, dikaji, difahami dan diamalkan perintah-perintah yang terkandung di dalamnya. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis kandungan dan kajian perpustakaan serta data-data yang berkaitan dengan kajian untuk mendapatkan maklumat. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Malaysia seperti kaedah Baghadiyah, kaedah Iqra', kaedah al-Hira', teknik al-Baghdadi, kaedah Haraki dan kaedah al-Matien. Kesemua kaedah dan teknik ini bermatlamat untuk memudahkan penguasaan bacaan al-Quran kepada setiap individu muslim. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat beberapa faktor kelemahan penguasaan bacaan al-Quran di peringkat sekolah rendah dan menengah dalam kemahiran asas bacaan al-Quran seperti menyebut mahraj huruf, mengenal tanda bacaan dan hukum tajwid telah memberi kesan kepada tahap kebolehan menguasai bacaan al-Quran di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPTA), guru kurang kemahiran dalam menguasai bidang bacaan al-Quran kerana bukan bidang pengkhususan, tiada penekanan daripada ibu bapa, pengajaran yang kurang efektif dan ketiadaan alat bantu mengajar yang berkesan. Kesimpulannya, dengan cabaran yang telah dikenalpasti dalam usaha menguasai bacaan al-Quran, wujud keperluan untuk membina satu modul pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi i-SMART QURRA' bagi memastikan penguasaan bacaan al-Quran pelajar berada di tahap yang lebih baik.

Kata Kunci: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bacaan al-Quran, Cabaran Penguasaan Bacaan al-Quran

Abstract

Al-Quran is a holy book that is regarded as guidance and reference for every Muslim. The reduction of the verses of the Quran has emphasized several aspects including the reading of the Quran itself. This can be seen through the first revelation revealed in surah al-A'laq (verses 1-5) which mentions *iqra'*, the order to read. It can be understood through the verse that reading the Qur'an is highly demanded in Islam because the Qur'an is the sacred scripture of Allah SWT which was revealed to the Messenger of Allah (PBUH) to be read, studied, understood and practiced the commands contained in it. The methodology of this study is based on qualitative methods, by analyzing the content of texts and library studies as well as data related to the study to obtain information. The research findings show that there are various methods of teaching and learning the Quran in Malaysia such as the Baghadiyah method, the Iqra' method, the al-Hira' method, the al-Baghdadi technique, the Haraki method and the al-Matien method. All these methods and techniques aim to facilitate the mastery of reciting the Qur'an for every individual Muslim. In addition, the findings of the study also showed that there are several weak factors in the mastery of reciting the Qur'an at the primary and secondary school levels in the basic skills of reciting the Qur'an such as pronouncing the mahraj letters, knowing the reading marks and tajwid law have had an impact on the level of ability to complete the recitation of the Qur'an Quran at the Institute of Higher Education (IPTA) level, teachers lack skills in reading the Qur'an because it is not a specialized field, there is no emphasis from parents, less effective teaching and the absence of effective teaching aids. In conclusion, with the challenges that have been identified in the effort to master the recitation of the Quran, there is a need to build a teaching and learning module through the i-SMART QURRA' application to ensure that students master the recitation of the Quran at a better level.

Keywords: Methods of Teaching and Learning reciting Al-Quran, The Challenges of Mastering reciting Al-Quran

I. PENGENALAN

Al-Quran adalah kitab yang menjadi panduan dan rujukan setiap individu muslim. Penurunan ayat al-Quran telah memberi penekanan terhadap beberapa aspek termasuklah pembacaan al-Quran itu sendiri. Ini dapat dilihat melalui wahyu pertama yang diturunkan di dalam surah al-A'laq (ayat 1-5) yang menyebut tentang *iqra'* iaitu suruhan membaca. Dapat difahami melalui ayat tersebut bahawa membaca al-Quran adalah amat dituntut dalam Islam kerana al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Rasulullah SAW untuk dibaca, dikaji, difahami dan diamalkan perintah-perintah yang terkandung di dalamnya.

Di negara kita, usaha untuk melahirkan pelajar-pelajar yang menguasai bacaan al-Quran telah dilaksanakan di dalam kurikulum Pendidikan Islam bermula di peringkat rendah hingga ke peringkat menengah. Namun, isu kemahiran membaca al-Quran yang meliputi aspek kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran fasahah, tilawah bertajwid dan tartil dalam kalangan pelajar Islam berlaku sama ada pada peringkat sekolah rendah, menengah atau di Institusi Pengajian Tinggi masih diperbincangkan.

Mohd Faisal *et al.* (2008) menjelaskan bahawa sehingga hari ini, masih didapati kebanyakan umat Islam di Malaysia pada peringkat umur dewasa mengenali huruf-huruf "hijaiyyah" tetapi tidak mampu membaca al-Quran atau boleh membaca tetapi tidak lancar malah yang paling menyedihkan ada yang langsung tidak mengenali huruf atau diistilahkan "buta al-Quran".

Mohd Zainul Arifien (2006) menjelaskan bahawa ramai murid yang lemah dalam aspek tilawah, lemah dalam aspek tajwid, aspek makhrāj huruf, bahkan terdapat juga murid yang gagal membaca potongan ayat yang pendek dengan makhrāj yang betul (buta al-Quran). Kenyataan beliau ini disokong dengan beberapa kajian, antaranya kajian yang dilakukan oleh Mohammad Naim Mat Salleh (2003) yang mendapati ada perbezaan yang signifikan antara jantina, pelajar yang bersekolah agama petang, mengaji di rumah, dan pemilikan buku *Iqra'* dengan pencapaian tilawah al-Quran mereka.

Selain dari itu teknik pembelajaran dan peranan pendidik juga perlu diambil kira bagi mencapai kejayaan yang baik. Menurut Abdul Raof (1998) gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi pendekatan, kaedah dan teknik akan membawa pengajaran yang berkesan. Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi (2009) mendapati bahawa guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam perlu sentiasa mempertingkatkan kemahiran pengajaran Tilawah al-Quran yang mereka miliki dengan cara yang paling efektif agar

murid dapat menguasai Tilawah al-Quran dengan berkesan.

Azharudin *et al.* (2010) dalam kajiannya 'Tahap Pembacaan al-Quran dalam kalangan Pelajar UiTM Terengganu' mendapati bahawa tahap kebolehpayaan membaca al-Quran adalah baik dalam aspek-aspek asas namun masih lemah dalam aspek pembacaan al-Quran yang lebih mencabar yang memerlukan kemahiran yang tinggi.

Kajian juga telah dijalankan oleh Ahmad Rozaini *et al.* (2010) bertujuan untuk melihat tahap penguasaan bacaan Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar UiTM Kampus Kota Samarahan, Sarawak. Hasil dari dapatan kajian menunjukkan tahap bacaan Al-Quran di kalangan responden adalah sederhana dengan peratusan 72.67%. Dapatan juga menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai masalah mengenai ilmu tajwid di samping menghadapi kesukaran untuk menyebut dengan sebutan yang betul dan tepat. Justeru kajian ini dijalankan untuk meneliti kaedah-kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bacaan al-Quran serta cabarannya dalam kalangan pelajar Politeknik.

II. SOROTAN LITERATUR

A. Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Bacaan Al-Quran

Di Malaysia terdapat pelbagai kaedah bacaan al-Quran yang digunakan oleh guru-guru untuk proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran sama ada pengajaran dan pembelajaran secara formal atau tidak formal. Kaedah-kaedah ini merangkumi kaedah-kaedah tradisional dan kontemporari. Menurut kajian Kamarul Azmi & Mohd Aderi (2013) dua kaedah bacaan al-Quran yang pernah diperkenalkan di Malaysia adalah kaedah Baghdadiyah dan kaedah *Iqra'*. Kaedah Baghdadiyah adalah berdasarkan buku Muqaddam yang dimulai dengan mengenal huruf-huruf hijaiyyah, huruf-huruf bersambung dan berbaris seterusnya bacaan surah-surah lazim pada juzuk yang ke-30.

Kaedah *Iqra'* pula berasal dari Indonesia dan diasaskan oleh Ustaz H. As'ad Humam. Kaedah ini disusun secara lengkap, sempurna serta bersepadu dengan huruf yang seimbang dan dimulai dengan pembelajaran asas dengan rangkaian huruf-huruf sehingga ke peringkat suatu ayat yang bermakna. Kaedah *Iqra'* mengandungi 6 jilid dan dapat membantu pelbagai peringkat umur untuk mempelajari al-Quran. Perkara penting dalam kaedah *Iqra'* ini ialah latih tubi sebutan huruf dan ayat agar kemahiran membaca al-Quran dapat dikuasai dengan baik.

Selain itu, terdapat pelbagai kaedah kontemporari yang telah diinovasikan dalam mempelajari bacaan al-Quran seperti teknik al-Baghdadi, kaedah haraki, kaedah al-Hira' dan kaedah al-Matien. Kaedah-kaedah ini mengalami revolusi dengan mengadaptasi kaedah-kaedah tradisional yang sedia ada seterusnya disusun dengan lebih sistematik melalui kajian-kajian yang telah dilakukan sehingga pelajar-pelajar yang menggunakan kaedah ini dapat menguasai bacaan al-Quran dengan lebih cepat.

Teknik al-Baghdadi iaitu pendedahan kepada 6 perkara asas dan pokok dalam pembacaan al-Quran. Iaitu 29 huruf, tanda baris, tanwin, mad, sukun dan sabdu. Keenam-enam perkara asas tersebut terkandung dalam kitab Tamhid al-Baghdadi. Di dalamnya diterapkan pelbagai teknik pengajaran dan teknik bacaan bagi memberi kesan yang lebih baik bagi seseorang yang ingin menguasai bacaan al-Quran dalam tempoh yang singkat. Antara kaedah dan teknik asas yang digunakan ialah Teknik Ketukan. (Sharifah Norshah *et.al*, 2018)

Selain itu, kaedah terkini yang sering diperkatakan dan dilaksanakan kajian keberkesannya adalah kaedah Haraki. Kaedah ini diperkenalkan oleh pengasasnya Ustaz Zakaria bin Din @ Nasiruddin pada tahun 2013 yang merupakan seorang pensyarah di Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Kaedah Haraki mengambil inspirasi daripada teknik-teknik al-Quran lain yang membolehkan seseorang membaca al-Quran secara bertajwid dalam tempoh 7 jam. Kaedah Haraki dihasilkan untuk menarik minat masyarakat pelbagai peringkat umur untuk mempelajari al-Quran (Sharifah Norshah *et al.*, 2018).

Kaedah ini memberi penekanan kepada bentuk tulisan al-Quran *Rasm Uthmani* yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Hasil daripada penelitian terhadap bentuk dabt rasm Uthmani dan bunyi yang terhasil ketika membaca al-Quran diolah dalam bentuk pergerakan tangan supaya pembaca dapat membaca secara bertajwid. Perkataan Haraki dipilih sebagai nama kaedah ini kerana kaedah ini menekankan pergerakan tangan pembaca al-Quran. Menurut Rabiatuladawiah Saleh (2021) dalam kajiannya yang bertajuk "Keberkesanan Kaedah Haraki dalam Pembelajaran Tilawah al-Quran Murid Berkeperluan Khas (MBK) Bermasalah Pembelajaran" kaedah Haraki sesuai dilaksanakan terhadap murid-murid berkeperluan khas dalam mempelajari bacaan al-Quran.

Antara kaedah kontemporari lain yang sering digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran bacaan al-Quran khususnya di peringkat dewasa adalah kaedah al-Hira'. Kaedah

ini diasaskan oleh Dr. Haji Muhammad Roihan al-Mandily yang berasal dari Sumatera Utara, Indonesia. Kaedah ini menekankan penguasaan bacaan al-Quran dalam tempoh minimum 24 jam. Terdapat 21 bab yang bermula dengan mempelajari baris sehingga ke peringkat tahsin bacaan al-Quran. Walaupun kaedah ini dilihat lebih sesuai untuk golongan dewasa namun peringkat kanak-kanak juga boleh menggunakan kaedah ini kerana dimulakan dengan mengenal bunyi terlebih dahulu berbanding mengenal huruf. Mengetahui setiap huruf hijaiyyah mengambil masa yang agak panjang untuk diingati berbanding mengenal bunyi.

Kaedah al-Matien pula terdiri daripada dua siri buku iaitu al-Matien 1, dan al-Matien 2. Pelajar hendaklah menguasai al-Matien 1 sebelum dialih kepada al-Matien 2. Kaedah ini tidak dibenarkan mengeja, hanya lihat, pastikan dan sebut dengan betul. Pada al-Matien 1, pelajar hendaklah menguasai dengan kukuh huruf Hijaiyyah, kemudian baru diajar membaca dengan bunyi huruf pada setiap baris dan tanda. Manakala pada al-Matien 2, pelajar didedahkan dengan hukum tajwid dan cara membaca yang betul dengan bimbingan guru sehinggalah mantap (Zakaria Din, 2014). Kelebihan siri al-Matien ialah penyediaan infografik berwarna dan ilustrasi huruf berwarna-warni sebagai membantu pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

Berdasarkan kesemua kaedah yang diperkenalkan, tujuan utama adalah untuk menguasai kemahiran dan kebolehan membaca al-Quran dengan cara yang lebih pantas dan mudah. Dalam masa yang sama hukum-hukum tajwid juga dipelajari dalam memperelokkan bacaan al-Quran. Walau bagaimanapun setiap kaedah yang diperkenalkan mempunyai kelebihan tersendiri dan penggunaannya bergantung kepada kesesuaian pelajar mengikut tahap dan kecenderungan masing-masing. Namun yang lebih penting kaedah-kaedah yang diperkenalkan juga perlu dipraktikkan bagi mengatasi cabaran kelemahan dan keciciran pelajar dalam penguasaan bacaan al-Quran sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun peringkat pengajian tinggi.

B- Penguasaan Pelajar Politeknik Dalam Bacaan Al-Quran

Kajian mengenai penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar-pelajar Politeknik telah banyak dilaksanakan antaranya kajian Norita Abd Aziz *et al.* (2021) yang menggunakan perisian al-Muqri untuk memperbaiki bacaan al-Quran daripada aspek makhraj, tajwid dan lagu di Politeknik Kuching. Kajian dijalankan sebanyak 3 fasa. Fasa pertama menunjukkan bacaan al-Quran pelajar pada tahap yang lemah apabila pensyarah menggunakan teguran secara langsung untuk membantu pelajar memperbaiki bacaan al-Quran namun agak kurang

berkesan. Fasa yang kedua mendapati terdapat peningkatan terhadap penguasaan bacaan al-Quran pelajar apabila pensyarah menggunakan perisian al-Muqri. Sebagai contoh daripada tidak dapat membaca al-Quran, pelajar telah dapat membaca dengan baik. Fasa ketiga pula menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan apabila perisian tersebut terus digunakan sehingga minggu terakhir kajian.

Begitu juga kajian Muhammad Farhan *et al.* (2010) berkaitan 'Pembacaan Surah Al-Fatihah Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak' mendapati bahawa ramai pelajar gagal menguasai pembacaan al-Quran khususnya surah al-Fatihah. Kajian tersebut telah dijalankan ke atas 100 orang pelajar Politeknik Kuching sebagai responden yang dipilih secara rawak. Kajian beliau mendapati 57% pelajar tidak mampu membaca surah al-fatihah dengan *fashahah* dan 63% lemah dalam penguasaan ilmu tajwid. Kajian itu juga menyatakan beberapa cadangan berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) kepada guru-guru agama dalam usaha mempertingkatkan kemahiran pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar.

Rohani Abd Razak & Norazmira Wati Awang (2022) pula telah melaksanakan kajian mengenai Hubungkait Antara Amalan Dan Kesedaran Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir Politeknik Muadzam Shah (PMS). Dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan jantina dan program pelajar tidak mempengaruhi amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran. Walau bagaimanapun terdapat hubungan yang positif antara amalan pembacaan al-Quran dengan status khatam. Hasil penyelidikan ini menunjukkan amalan dan kesedaran pembacaan al-Quran di kalangan pelajar PMS berada pada tahap yang tinggi. Pengkaji berpendapat program-program membudayakan al-Quran perlu diteruskan dan dipergiatkan kepada pelajar yang masih menuntut di PMS. Pengkaji juga mencadangkan agar pensyarah-pensyarah Pendidikan Islam merancang dan mempergiatkan aktiviti keagamaan yang boleh menyumbang kelancaran pembacaan al-Quran di kalangan pelajar dan seterusnya mempertingkatkan amalan bacaan al-Quran dalam kehidupan seharian pelajar.

Selain itu Mohd Khairulazman Abu Bakar (2013) dalam kajian mengenai Kebolehpayaan Pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin mendapati keupayaan pelajar berada di tahap yang sederhana dalam penguasaan aspek-aspek pembacaan manakala pengetahuan tentang lagu, bacaan berlagu, pengetahuan hukum tajwid dan pembacaan secara bertajwid masih berada di tahap yang lemah. Begitu juga kajian Profil Demografi Pelajar PSMZA dalam pembacaan al-Quran yang telah dilaksanakan.

Dapatan kajian menunjukkan profil demografi responden berada di tahap yang baik dari aspek keputusan subjek Pendidikan Agama Islam (PAI)-SPM, pendedahan asas pembacaan al-Quran dan pemilihan naskah al-Quran. Namun begitu, tahap pembacaan, khatam, belajar tajwid adalah masih kurang memuaskan (Mohd Khairulazman Abu Bakar & Azman Che Mat, 2015).

Kajian oleh Fazlina (2012) bertajuk 'Kajian Pengamalan dan Kesedaran Pembacaan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan' menunjukkan bahawa tahap pengamalan pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar di politeknik tersebut masih di tahap sederhana walaupun tahap kesedaran adalah sangat baik. Kajian ini mempunyai dua skop utama iaitu tahap pengamalan dan tahap kesedaran pelajar tentang pembacaan al-Quran. Ia telah melibatkan seramai 93 orang pelajar muslim daripadasesemester satu, dua, tiga dan enam yang meliputi empat jabatan induk di politeknik berkenaan. Dapatan kajian telah dianalisis secara kuantitatif yang diambil daripada data soal selidik.

C. Cabaran Untuk Menguasai Bacaan Al-Quran

Setiap proses pengajaran dan pendidikan pasti memiliki cabaran bagi menjayakan matlamat yang disasarkan serta memperoleh keberkesanan daripada proses tersebut. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada cabaran dalam menguasai bacaan al-Quran.

1. Kelemahan Penguasaan Bacaan Al-Quran Di Peringkat Sekolah

Menurut kajian Norwardatun dan Siti Rosilawati (2021), pengajian al-Quran telah di terapkan oleh ibu bapa sejak anak-anak seawal usia yang masih kecil, kemudian diteruskan diperingkat sekolah kebangsaan pengajian secara formal selama 6 tahun melalui kurikulum khas Program j-QAF di seluruh negeri yang berrmatlamat untuk mempelajari al-Quran seawal usia dan memastikan semua murid Islam dapat mengkhatam al-Quran di peringkat sekolah rendah. Namun tahap penguasaan al-Quran pelajar sedia lemah dari sekolah rendah yang secara purata tidak mampu menyebut makhraj huruf, lemah mengenali tanda bacaan dan hukum tajwid. Situasi ini telah memberi impak kepada peringkat pengajian di sekolah menengah. Hasil kajian mendapati masih ramai pelajar sekolah menengah yang tidak menguasai bacaan al-Quran secara bertajwid walaupun memepelajari al-Quran selama tujuh tahun. Keupayaan membaca al-Quran dengan tepat dan betul merupakan kesan daripada tahap penguasaan tajwid yang merupakan etika dalam bacaan. (Muhammad Syukri Zahari *et. al.* 2020)

Masyarakat membaca adalah masyarakat yang bertamadun. Melalui proses pembacaan dapat

menggerakkan minda berfikir merangkumi aktiviti pengenalan kata, pemahaman kritis, interpretasi mendalam, penelaahan dan penaakulan yang baik. Begitu juga berkaitan dengan membaca al-Quran yang menuntut manusia membaca dengan dengan betul dari sudut tajwid dan makhraj supaya tidak tersimpang dari maknanya. Penguasaan membaca al-Quran membawa kepada kesejahteraan dan kecemerlangan merujuk kepada manfaatnya yang bersifat hakiki. (Muhammad Zulazizi,2021). Terdapat kajian membuktikan segelintir pelajar sekolah menengah yang langsung tidak dapat membaca al-Quran (buta al-Quran) dan situasi ini telah memberi impak kepada keinginan dan minat mereka untuk mempelajari membaca al-Quran samada secara berkumpulan atau individu. Keadaan ini meletakkan seoloh pembelajaran al-Quran sekadar untuk memenuhi kurikulum sekolah tetapi gagal dikuasai sebagai satu amalan hakiki bagi seorang muslim. (Mohd Faisal et. al, 2008)

2. Faktor Kelemahan Bacaan Al-Quran Di Kalangan Pelajar

Tinjauan yang dibuat untuk melihat kondisi pelajar sekolah dalam menguasai bacaan al-Quran, mendapati masih terdapat pelajar yang lemah dalam bacaan al-Quran khususnya dalam menyebut mahraj huruf dan bacaan bertajwid malah terdapat kajian membuktikan segelintir pelajar berada diperingkat paling lemah iaitu tidak mengenal huruf hijaiyah (buta huruf). Terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada masalah ini. Antaranya:

a- Tiada penekanan dari pihak ibubapa

Anak-anak ibarat kain putih. Ibu bapa berperanan dalam membentuk dan mendidik mereka mengikut acuan yang betul. Menjadi tanggungjawab ibubapa mendidik anak-anak menjalani kehidupan berteraskan agama. Dalam usaha mempelajari al-Quran, ibubapa perlu memperuntukkan masa untuk anak dalam memberi bimbingan dan sentiasa memantau tahap kebolehan anak-anak. Selain itu, ibu bapa juga perlu sentiasa. Kajian Nur Sahara Mesman et.al (2022) mendapati peranan ibu bapa sebagai suri teladan dalam merangsang anak-anak berfikiran positif, berjaya dan bersemangat bagi menghadapi segala cabaran. Komitmen yang baik dalam penerapan minat anak terhadap tulisan jawi. Penerapan minat yang bersungguh-sungguh akan memudahkan ibu bapa untuk menyampaikan ilmu dalam pembelajaran Jawi. Kajian ini memperlihatkan bahawa hubungkait komitmen ibu bapa dengan kejayaan anak-anak dalam pembelajaran. Kajian Siti Noor Farahin et.al (2022) mendapati dimensi akidah, ibadah, sosial, emosi, akhlak, jasmani, intelektual, kesihatan dan seksual merupakan elemen utama yang direncami dalam kitab *Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyah li al-Tifl*

sebagai solusi ibu bapa dalam mendidik anak-anak terutamanya dalam era pasca pandemik Covid-19

b- Guru Kurang Berkemahiran

Program j-QAF merupakan satu pembaharuan dalam pendidikan di peringkat Sekolah Rendah Kebangsaan yang bertujuan untuk meningkatkan penguasaan pendidikan Islam bagi melahirkan pelajar yang berilmu, beramal, beradab, berketrampilan dan berakhlak berlandaskan al-Quran. Objektif ini jelas membawa kepada melahirkan generasi yang beretika, bermoral dan bertanggungjawab. Namun begitu, sebahagian besar guru j-QAF adalah di luar bidang pengkhususan yang menyukarkan mereka dalam penyampaian dan memberi menerangan ketika proses pengajaran. Penguasaan membaca dan menulis mengikut *Mushaf 'Uthmani* merupakan teras program j-QAF. Guru-guru yang tidak memiliki pengkhususan dalam bidang al-Quran akan memberi kesan kepada keberkesanan dalam pemahaman pelajar. Faktor kurang pengalaman guru berkaitan pengajian al-Quran juga merupakan isu yang dapat dikenalpasti. (Daud et.al,2014).

c- Kaedah Pembelajaran Kurang Efektif

Kaedah pengajaran yang efektif adalah kunci kepada kejayaan dan mempengaruhi kecemerlangan pelajar. Menurut Intan Safinas et. al (2001) kaedah pengajaran yang berkesan dapat meningkatkan minat pelajar dan mampu meningkatkan prestasi pelajar dalam pembelajaran. Strategi pengajaran yang digunakan oleh guru dapat membantu pengembangan potensi dan keupayaan pelajar dalam menguasai pengajaran yang disampaikan. (Zamri, 2014). Menurut Norwardatun (2021), kegagalan pelajar menguasai bacaan al-Quran dari aspek kelancaran dan tajwid berpunca daripada kaedah pengajaran yang kurang efektif dan kurang berstrategi dengan meletakkan kedua-dua aspek itu secara berasingan ketika proses pengajaran dan pembelajaran.

d- Ketiadaan Alat Bantu mengajar yang berkesan.

Alat bantu mengajar adalah kelengkapan yang digunakan oleh pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada berbentuk elektronik atau bukan elektronik. Namun begitu, masih terdapat guru yang menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional dalam pengajaran yang lebih berpusat kepada guru dan tidak secara interaktif dalam syarahan, perbincangan, soal jawab dan hafalan. (Md Yusoff et. al,2006). Menurut kajian terdapat guru Pendidikan Islam yang tidak memanfaatkan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka dan masih terikat dengan kaedah pengajaran secara tradisional. Penggunaan alat bantu mengajar yang pelbagai oleh

guru cemerlang Pendidikan Islam telah bertindak sebagai pemudah cara dalam penyampaian berkesan kepada pelajar (Kamarul Azmi et. al, 2011).

e- Kurang Penguasaan Tajwid

Pembacaan al-Quran dengan menggunakan kaedah tajwid dan sebutan mahraj yang betul memberi kesan kepada penghayatan intipati al-Quran itu sendiri. Memperelok dan memperindahkan bacaan al-Quran iaitu Tahsin al-Quran dapat memperkasakan lagi penguasaan al-Quran di kalangan pelajar. Menurut kajian Norita Abd Aziz et. al, (2021) peningkatan tahap penguasaan pelajar dalam membaca al-Quran secara bertajwid, sebutan mahraj yang betul dan berlagu hasil daripada kaedah tahsin yang digunakan oleh para pensyarah melalui tiga fasa iaitu membuat teguran bacaan pelajar secara langsung dan setetusnya menggunakan pengkaedahan perisian al-Muqri bagi mencantikan lagi bacaan al-Quran di kalangan pelajar. Kajian mendapati pada fasa ke tiga, pelajar menunjukkan peningkatan yang sangat baik bagi dalam bacaan al-Quran.

III. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, analisis kandungan dan kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat. Kajian perpustakaan digunakan adalah untuk mengumpulkan data-data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian, mengetahui dengan lebih mendalam tentang penguasaan al-Quran dalam kalangan pelajar. Pengumpulan data merupakan proses pengumpulan maklumat dengan memilih dan menggunakan kaedah alat pengumpulan data yang bersesuaian dengan permasalahan kajian, strategi penyelidikan di samping jenis dan kewujudan sumber data (Sulaiman Masri, 2005). Data-data diperolehi daripada bahan-bahan ilmiah seperti jurnal, buku, dokumen, disertasi yang berkaitan dengan kajian.

IV. ULASAN DAN PERBINCANGAN

Al-Quran merupakan rujukan utama bagi setiap muslim. Kebolehan menguasai bacaan al-Quran dari aspek kelancaran bacaan, *mahraj*, *fasahah*, *tilawah* bertajwid, *tadabbur* dan *tartil* dalam kalangan pelajar Islam dapat membentuk keperibadian yang unggul dan berakhlak mulia. Pelaksanaan pembacaan al-Quran di kalangan pelajar semester dua dalam program pengajian di politeknik telah memberi ruang yang cukup untuk menguasai bacaan al-Quran selama berada dalam sistem pengajian. Terdapat pelbagai kaedah pengajaran al-Quran di Malaysia seperti kaedah Baghddiyah yang berdasarkan buku muqaddam yang dimulai dengan huruf-huruf *hijaiyyah*, huruf-huruf bersambung dan berbaris seterusnya surah-surah lazim pada juzuk yang ke 30. Manakala kaedah Iqra' yang mengandungi 6 jilid dimulai dengan pengenalan

asas huruf-huruf sehingga kepada suatu ayat yang bermakna beserta latih tubi sebutan ayat agar kemahiran membaca al-Quran dapat dikuasai dengan baik. Selain itu, Kaedah Kontemporari yang telah diinovasi seperti teknik al-Baghdadi, kaedah Haraki, kaedah al-Hira dan kaedah Matien. Kaedah-kaedah ini berfokus kepada menguasai kemahiran dan kebolehan membaca al-Quran secara pantas dan lebih mudah sepertimana kaedah al-Baghdadi memperkenalkan 6 perkara asas dalam bacaan al-Quran iaitu 29 huruf, tanda baris, tanwin, mad, sukun dan sabdu yang terkandung dalam Kitab Tahmid. Al-Baghdadi memiliki teknik pengajaran bagi menguasai bacaan al-Quran dalam tempoh yang singkat. Penguasaan kaedah Haraki pula membolehkan seseorang membaca al-Quran secara tajwid dalam tempoh 7 jam. Manakala kaedah al-Hira' yang mengandungi 21 bab bermula dengan mempelajari baris sehingga ke peringkat tahsin al-Quran menekankan penguasaan al-Quran dalam tempoh 24 jam. Bagi kaedah al-Martien pula, terdapat 2 siri buku iaitu al-Martien 1 dan al-Martien 2. Kaedah ini menekankan konsep lihat, pastikan dan sebut dengan betul. Al-Martien 1 merupakan tahap penguasaan huruf Hijaiyyah seterusnya sebutan huruf dengan baris dan tanda bacaan manakala pendedahan bacaan mengikut hukum tajwid beserta bacaan yang betul dalam al-Martien 2. Dapatan kajian ini memperlihatkan tahap penguasaan al-Quran pelajar politeknik adalah pada tahap sederhana adari aspek kelancaran bacaan namun begitu, didapati tahap penguasaan dari aspek bacaan bertajwid, fasahah, mahraj, tilawah dan tartil masih berada pada tahap yang lemah. [3], [4].

Dalam usaha memperkasakan penguasaan bacaan al-Quran, terdapat pelbagai cabaran bagi merelisasikan matlamat tersebut. Kajian ini memberi gambaran awal tentang tahap penguasaan bacaan al-Quran di kalangan pelajar politeknik dan terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada cabaran penguasaan tersebut. Faktor kelemahan penguasaan bacaan al-Quran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Kegagalan pelajar sekolah rendah dalam memiliki kemahiran asas bacaan al-Quran seperti menyebut mahraj huruf, mengenal tanda bacaan dan hukum tajwid telah memberi kesan kepada tahap kebolehan menguasai bacaan al-Quran di peringkat sekolah menengah seterusnya peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Situasi ini terbukti melalui kajian, masih terdapat pelajar yang sekolah menengah yang langsung tidak tahu membaca al-Quran (buta huruf). Selain itu, guru kurang kemahiran dalam menguasai bidang bacaan al-Quran juga memberi kesan kepada tahap pemahaman pelajar. Guru yang bukan dari bidang pengkhususan al-Quran sukar memberi penyampaian yang berkesan dalam proses pengajaran. Faktor lain iaitu kurang penekanan daripada pihak ibu bapa dalam membimbing dan memantau anak-anak membaca al-Quran. Walaupun

guru bertanggungjawab mengajar anak-anak di sekolah, namun peranan ibu bapa memberi perhatian dan galakan dapat merangsang minda anak-anak meningkatkan kebolehan mereka. Dapatan kajian juga melihat kaedah pembelajaran yang kurang efektif dan alat bantu mengajar yang kurang berkesan merupakan dua faktor yang dominan dalam mencapai keberkesanan dalam penyampaian. Proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berstrategi beserta alat bantu mengajar yang relevan samada berbentuk elektronik atau bercetak perlu digunakan bagi memudahkan penerimaan pelajar terhadap isi pengajaran. Akhirnya, kurang penguasaan tajwid yang merupakan perkara asas dalam bacaan al-Quran menjadikan tahap penguasaan bacaan pelajar lemah dan tidak mampu membaca al-Quran mengikut teknik yang betul [5], [6].


V. CADANGAN PEMBINAAN MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BACAAN AL-QURAN MELALUI APLIKASI i-SMART QURRA'

Berdasarkan cabaran-cabaran yang telah dikenalpasti, terdapat keperluan untuk mewujudkan bahan bantu mengajar untuk meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran untuk pelajar-pelajar politeknik. Seiring dengan perkembangan revolusi industri 4.0 pendekatan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah heutagogi telah menjadi satu keperluan. Pembelajaran heutagogi yang berpusatkan pelajar membolehkan mereka meneroka dan melaksanakan pembelajaran sendiri sebagai bantuan untuk menguasai bacaan al-Quran dengan lebih baik disamping mengekalkan kaedah talaqqi dan musyafahah yang menjadi teras dalam mempelajari al-Quran.

i- SMART QURRA' merupakan satu aplikasi mudah alih yang diinovasikan daripada kaedah-kaedah bacaan al-Quran yang sedia ada dengan kaedah yang lebih menarik menggunakan multimedia dalam pendidikan. Aplikasi mudah alih ini dilengkapi dengan nota-nota, contoh bacaan al-Quran yang menekankan fasahah dan sifat huruf, contoh bacaan al-Quran daripada surah-surah lazim, latihan-latihan asas tajwid untuk membantu pelajar menguasai bacaan al-Quran dengan lebih baik.

Aplikasi mudah alih ini dibangunkan dengan menggunakan Model ADDIE (Analysis, Design, Develop, Implement & Evaluate). Model ADDIE merupakan model reka bentuk instruksional yang terawal dan menjadi asas kepada model-model reka bentuk sistem instruksional yang lain (Gustafson & Branch, 2001). Model ADDIE merupakan satu kaedah pembangunan yang direka bentuk khas secara sistematik dan terperinci melibatkan analisis, reka bentuk, pembangunan,

pelaksanaan dan penilaian. Secara umumnya, aliran kerja model ADDIE boleh dilihat seperti berikut:



Rajah 1 Aliran kerja berdasarkan Model ADDIE Gagne, Wager, Golas & Keller (2005)

Dengan adanya aplikasi mudah alih menggunakan model ini, proses pembelajaran pelajar untuk menguasai bacaan al-Quran akan menjadi lebih mudah dan fleksibel. Aliran proses menggunakan model ini juga adalah lengkap sehingga ke proses penilaian. Diharapkan dengan pembinaan aplikasi mudah alih ini dapat membantu pelajar mahupun pensyarah sebagai bahan sokongan dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

VI. RUMUSAN

Bagi mempertingkatkan tahap pembacaan al-Quran, pelbagai teknik telah diperkenalkan bagi memudahkan pemahaman dan penguasaan kemahiran yang diperlukan dalam pembacaan. Berdasarkan cabaran-cabaran yang telah dikenalpasti, semua pihak yang secara langsung dan tidak langsung perlu berperanan dalam usaha meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran di kalangan pelajar politeknik. [4], [7], [8].

Seiring dengan revolusi industri 4.0, satu modul yang relevan dan semasa perlu dihasilkan bagi memenuhi keperluan dalam meningkatkan kemahiran bacaan al-Quran. Kaedah yang dihasilkan perlu dapat mengatasi kelemahan dan permasalahan dalam isu penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar politeknik. [9], [10].

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi sumbangan idea dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- [1] Ahmad Tamizi Abu & Rabiatul Adawiah Ahmad Rashid. (2020), "Analisis Keperluan terhadap Pembinaan Modul al-Alaq-IQ (MpaA-IQ) bagi Meningkatkan Pencapaian Kemahiran Asas Bacaan alQuran Tahun Satu. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies.Bil* , no2,2020.
- [2] Ahmad Rozaini Ali Hasan, Shadli Sabarudin & Che Bakar Che Mat. "*Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran di kalangan Pelajar-Pelajar Uitm Sarawak*. Projek Penyelidikan Dana Kecemerlangan Kategori C, 2010
- [3] Che Zarina Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman, "Perkembangan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1), 67-87, 2011
- [4] Daud Ismail, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Kahiruldin, Mahadi Mohammad, "Perkembangan dan masalah Pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia," *ISLAMIIYAT* 36 (2) (2014):57-66, 2014
- [5] Fazlina Fadzil & Nurulazidah Jaafar, "Kajian Pengamalan dan Kesedaran Pembacaan al-Quran dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan," *Prosiding Seminar Pendidikan Politeknik* 2012.
- [6] Intan Safinas mohd Ariff Albakri, fazilah Idris, Maznah Ibrahim, Alawiyah Ibrahim, "Kaedah Pengajaran Berkesan : Antara Keperluan Pelajar dan Realiti Pengajian Jarak Jauh," *Jurnal Pengajian Umum Bil.* 2, 81, 2001
- [7] Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi Che Noh., "Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran (History, Methods, and Models of Teaching and Learning of the Quran)," in *Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI*. Kuala Lumpur. 28-29 October 2013, pp. 1-17, 2013.
- [8] Kamrul Azmi Jasni, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim tamuri, Mohd Izham Mohd Hamzah, "Amalan penggunaan Bahan Bantu mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Malaysia," *Journal Of Islamic And Arabic* 3(1), 59-74, 2011.
- [9] Mohd Khairulazman Abu Bakar & Azman Che Mat., "*Profil Demografi Pelajar PSMZA dalam pembacaan al-Quran*," *Journal Academia UiTMT Volume 4 Issue 2* , 2015 .
- [10] Mohd Aderi Che Noh, "Amalan Pengajaran Tilawah al_quran: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru di sekolah Menengah Harian Malaysia," *Jurnal Of Islamic and Arabic Education* 1 (1) 57-72
- [11] Mohd Faisal Mohamed, Zawawi Ismail, Rahimi Md Saad, "Celik al-Quran: Cabaran dan Realiti dalam Pendidikan Islam di Sekolah," *Jurnal Pendidikan Universiti Malaya* , Vol 31 (1), 241-253, 2008.
- [12] Norwardatun Mohamed Razali, "Kemahiran Membaca Al-Quran secara Bertajwid Di kalangan Pelajar Sekolah Menengah Harian: Satu Tinjauan Awal.," Nilai: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia., 2021
- [13] Norita Abd Aziz, Mohamad Bazli Md Radzi, Natrah Mat Noor, Ying Leh Ling, "Penguasaan Bacaan A-Quran Menerusi tahsin Al-Quran," *Jurnal Sains Sosial dan Pendidikan Teknikal Isu Khas* 2(1) , 51-58. 2021.
- [14] Nor Sahara Mesma, Zulkarnain Abd. Majid, & Makmur Harun, "Cabaran Dan Peranan Ibu Bapa Dalam Memperkasakan Pembelajaran Jawi Semasa Pandemik Covid-19," *Jurnal Dunia Pendidikan e-ISSN: 2682-826X | Vol. 4, No. 2, 1-12, 2022*
- [15] Rabiatuladawiyah Saleh. "Keberkesanan Kaedah Haraki dalam Pembelajaran Tilawah al-Quran Murid Berkeperluan Khas (MBK) Bermasalah Pembelajaran : Kajian di Daerah Jerantut," *Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia*, 2021
- [16] Rohani Abd Razak & Norazmira Wati Awang, "Kajian Hubungkait Antara Amalan dan Kesedaran Pembacaan al-Quran dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir Politeknik Muadzam Shah," *Internation Journal of Education, Psychology and Counselling*, Vol 7 Issue 46 PP.527-536, 2022.
- [17] Umum Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, Muhammad Amirul Mohd, Mohd Rashidi Omar, Norhisham Muhamad, "*Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini*:"

- Satu Tinjauan Umum*,"Tanjung Malim. Penerbitan Universiti Sultan Idris, 2021
- [18] Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Mohd Shafiee Hamzah, Tasnim Abd Rahman , Kasimah Kamaruddin Nik Azeah Nik Azman,"Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran: Kajian di Masjid UniSZA,"*Jurnal Hadhari* 10 (1) 93-108,2018
- [19] Siti Noor Farahin M Fariddudin, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman,"Dimensi Keibubapaan dalam Pendidikan Anak di Era Pandemik dan Solusi Menurut Kitab Manhaj Al-Tarbiah AlNabawiyah li Al-Tifli,"*Jurnal Usuluddin* 50 (1) 97-118,2022
- [20] Sulaiman Masri,"*Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal, Tesis*," Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- [21] Zakaria bin Din,"Tajdid in Quranic Studies; *Kaedah Haraki Satu Tajdid dan Inovasi dalam Metode Pengajaran Tilawah al-Quran*," Kuala Lumpur: Academy of Islamic Studies UM,2014.
- [22] Zamri Mohd. Zainuldin,"*Mantap Mengaji Kaedah al-Matien*,"Telaga Biru: Kuala Lumpur, 2009.
- [23] Zamri Mahamod,"Iovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu," Cetakan Ketiga. Tanjung Malim:Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014.

MAKLUMAT PENULIS

<p>Penulis Pertama : Hasani Ghazali</p> 	<p>Politeknik Nilai, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia E-mail: hasanighazali18@gmail.com</p>
<p>Penulis Kedua : Rosmawati Razak</p> 	<p>Politeknik Nilai, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia E-mail: rosmawatibintirazak@gmail.com</p>